



28 JUN, 2024

Alat seks 'lelaki gersang' dijual di kelab malam

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Alat seks 'lelaki gersang' dijual di kelab malam

KLANG – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 200 unit alat permainan seks dipercayai digunakan 'lelaki gersang' termasuk di kelab malam dalam satu sebulan di sebuah gudang di Shah Alam dekat sini baru-baru ini.

Rampasan alat seks bernilai RM9,230 itu dibuat pada 4 Jun lalu selaras dengan larangan mutlak terhadap pengimportannya.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, berdasarkan siasatan awal, alat permainan seks itu dijual kepada pelanggan tetap termasuk di kelab malam sekitar Lembah Klang.

"Alat 'sex toys' ini disimpan di dalam gudang persendirian dan alatan berkenaan adalah barang larangan untuk diimport.

"Siasatan masih diteruskan

“

Rampasan alat seks bernilai RM9,230 itu dibuat pada 4 Jun lalu selaras dengan larangan mutlak terhadap pengimportannya.”

termasuk untuk mengetahui nilai sebenar bagi setiap alat seks tersebut,” katanya pada sidang akhbar di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara di sini semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967 yang memperuntukkan denda sehingga 20 kali ganda atau RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.



SEBAHAGIAN alat permainan seks yang dirampas kastam dalam serbuan di sebuah gudang di Shah Alam baru-baru ini.



28 JUN, 2024

Alat seks `lelaki gersang` dijual di kelab malam

Kosmo, Malaysia



SUMMARIES

KLANG - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 200 unit alat permainan seks dipercayai digunakan 'lelaki gersang' termasuk di kelab malam dalam satu sebulan di sebuah gudang di Shah Alam dekat sini baru-baru ini. Rampasan alat seks bernilai RM9.230 itu dibuat pada 4 Jun lalu selaras dengan larangan mutlak terhadap pengimportannya.